

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR - BN ]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 57**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pelan jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kementerian dalam mengembalikan maruah bola sepak negara yang mempersembahkan prestasi yang agak teruk khususnya prestasi pasukan kebangsaan.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah merangka Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) bagi memastikan pembangunan pemain, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan dilaksanakan secara berterusan di peringkat akar umbi. Sasaran utama PPBN adalah untuk menyediakan satu landasan bagi menggilap bakat pemain-pemain yang berumur antara 7 sehingga 17 tahun.
2. Di samping itu, FAM akan memperbanyakkan lagi pertandingan-pertandingan di pelbagai peringkat dari peringkat daerah sehingga ke peringkat kebangsaan. FAM juga telah mengambil tindakan untuk menswastakan Liga Bola Sepak Malaysia bermula pada tahun 2016. Oleh kerana Liga Malaysia akan dikendalikan oleh sebuah entiti baru, maka FAM akan menumpukan sepenuhnya kepada penyediaan skuad bola sepak kebangsaan di peringkat senior, harimau muda bawah 23 tahun, bawah 19 tahun dan bawah 17 tahun, pembangunan kejurulatihan serta penganjuran kejohanan liga amatur dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih